



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

SIARAN MEDIA

PEMERKASAAN INFRASTRUKTUR LUAR BANDAR: KAMPUNG ANGKAT MADANI (KAM) DI KAMPUNG TOK KEPAK SIAP SEPENUHNYA

KODIANG, 1 Februari 2026 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengumumkan kejayaan penyiapan sepenuhnya projek pembangunan di bawah **Program Kampung Angkat MADANI (KAM) 2025 di Kampung Tok Kepak, Kodiang**. Majlis penyerahan rasmi projek tersebut telah disempurnakan oleh Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Datuk Wira Dr. M Noor Azman bin Taib di Perkarangan Masjid Al-Huda pada 31 Januari 2026.

Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada strategi kerajaan untuk merapatkan jurang infrastruktur antara desa dan bandar dengan memfokuskan kepada kawasan yang benar-benar memerlukan perhatian khusus dalam konteks kemudahan asas. Pemilihan Kampung Tok Kepak dibuat berlandaskan Garis Panduan Pelaksanaan KAM 2025, memandangkan statusnya sebagai kawasan luar bandar yang terpinggir dan memerlukan prasarana seperti jalan, dewan, dan lampu jalan.

Penyempurnaan projek berimpak tinggi melalui peruntukan sebanyak RM1 juta yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), pelbagai projek infrastruktur dan sosial telah dilaksanakan dengan jayanya bagi manfaat sekitar 300 orang penduduk setempat. Antara projek utama yang telah siap sepenuhnya merangkumi:

- i. **Naik taraf Tabika KEMAS.**
- ii. **Naik taraf menara dan dapur Masjid.**
- iii. **Naik taraf Surau dan Tabika Islam.**
- iv. **Pemasangan penyaman udara dan kelengkapan di Tabika KEMAS, Dewan Komuniti dan Balai Raya.**

Selain itu, kerja-kerja penambahbaikan kemudahan lain juga turut dilaksanakan antaranya:

- i. **Pemasangan lampu jalan jenis solar.**
- ii. **Pembinaan dataran awam di hadapan Sekolah Kebangsaan Tok**

Kepak.

- iii. **Kerja-kerja landskap di Sekolah Kebangsaan Tok Kepak, Masjid Kampung Tok Kepak serta menaik taraf taman permainan di Tabika KEMAS.**
- iv. **Program Baik Pulih Rumah (PBPR) dan Program Bina Baharu Rumah Bandar (PBBR).**

Meskipun menghadapi cabaran cuaca yang tidak menentu dan keadaan tanah yang mengganggu kemajuan, kesemua projek ini telah diselesaikan dengan jayanya. YBhg. Datuk Wira Dr. M Noor Azman bin Taib yang merupakan anak jati Kampung Tok Kepak menyatakan projek ini adalah bentuk penghargaan dan tanggungjawab moral beliau terhadap akar asalnya. Beliau menekankan bahawa kejayaan pembangunan ini membuktikan komitmen kerajaan dalam memastikan perkhidmatan sampai ke peringkat akar umbi secara cepat, mudah, dan berkesan.

“Saya berharap agar semua kemudahan yang telah disediakan ini dijaga dan digunakan dengan sebaik mungkin supaya ia dapat memberi manfaat kepada penduduk kampung untuk jangka masa yang panjang dan dinikmati oleh generasi akan datang,” kata beliau ketika berucap di majlis tersebut

Sempena Majlis Penyerahan tersebut, pelbagai perkhidmatan terus kepada rakyat turut diadakan, termasuk Jualan Rahmah, pemeriksaan kesihatan, gunting rambut percuma, serta program tukar minyak hitam motosikal secara percuma. Inisiatif ini diharapkan dapat membantu meningkatkan kualiti hidup penduduk yang rata-ratanya bekerja sebagai petani.

#MalaysiaMADANI
#Kemampanan
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

UKK
K P K T